

22/10/1998

Azizah ulangi tidak sertai perhimpunan

KUALA LUMPUR, Rabu - Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail mengulangi beliau tidak terbabit dalam mana-mana perhimpunan haram di ibu kota seperti dilaporkan Ahad lalu.

Beliau juga menolak khabar angin kononnya ditahan polis hari ini berikutan kemunculannya dalam perhimpunan Sabtu lalu itu.

Menurutnya, kehadiran beliau di Jalan Tuanku Abdul Rahman pada Sabtu lalu, disalahertikan oleh banyak pihak sehingga beliau digambarkan tidak mengotakan janji dengan menyertai perhimpunan haram membantah penahanan suaminya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Wan Azizah mempertahankan alasannya berada di kawasan itu untuk membeli belah seperti dikatakannya dalam sidang akhbar pada hari berkenaan.

"Apa salahnya saya pergi membeli belah? Adakah ia menyalahi undang-undang? Apabila saya melihat ada perhimpunan, saya ingin tahu dan pergi melihat apa yang berlaku.

"Saya tidak mengambil bahagian dalam perhimpunan itu atau perarakan yang diadakan," katanya kepada pemberita di kediamannya di Bukit Damansara dekat sini, petang ini.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas khabar angin tersebar hari ini bahawa beliau akan ditahan polis ekoran pembabitannya dalam perhimpunan haram berkenaan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata di Tokyo semalam, beliau berharap polis tidak akan menahan isteri bekas Timbalan Perdana Menteri itu kerana menyokong secara langsung tunjuk perasaan bagi membela Anwar yang kini ditahan reman di penjara.

Secara peribadi, kata Perdana Menteri, beliau berasa kasihan terhadap Dr Wan Azizah yang nampaknya cuba memaksa polis supaya menahannya.

(END)